

**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI MELAKSANAKAN  
AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT**

**TUJUAN**

1. Ceraian ini bertujuan menetapkan peraturan berkaitan kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pada masa kini, tiada kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi aktiviti khidmat masyarakat. Bagi menggalakkan penyertaan pegawai perkhidmatan awam, maka Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan.

**PELAKSANAAN**

**Tafsiran**

3. Dalam Ceraian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

**“aktiviti khidmat masyarakat”** bermaksud kegiatan atau kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara sukarela yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

**“pertubuhan yang diluluskan”** bermaksud pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau pertubuhan yang mempunyai akta penubuhan sendiri/ undang-undang khusus yang lain atau yayasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau Akta Syarikat 2016 atau undang-undang khusus lain yang berkuat kuasa di dalam negara.

**“Ketua Jabatan”** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Cuti Rehat bagi kementerian, jabatan atau agensi.

**Kelayakan**

4. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) kemudahan ini diberikan maksimum lima (5) hari setahun tidak termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (ii) sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja (Ceraian SR.4.2.2);
- (iii) permohonan Cuti Tanpa Rekod hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan mengemukakan surat daripada pertubuhan mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan;
- (iv) kelulusan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan atas kepentingan perkhidmatan; dan
- (v) penggunaan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

5. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

#### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Ceraian ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

#### **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**